

COVID-19: KKM belum terima maklumat berhubung kematian rakyat Malaysia di Dubai
Astro Awani
23 April 2020
Hasimi Muhamad,

PUTRAJAYA: Kementerian Kesihatan (KKM) setakat ini tidak menerima sebarang maklumat berhubung kematian rakyat Malaysia di Dubai, yang didakwa berkait dengan COVID-19.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, kementerian tersebut bagaimanapun akan bekerjasama dengan Kementerian Luar bagi mendapatkan pengesahan lanjut berhubung perkara itu.

“Kita tidak dimaklumkan lagi mengenai kematian di Dubai tetapi kita akan bekerjasama dengan Wisma Putra untuk mendapatkan lebih lagi maklumat kalau ada kematian di Dubai,” katanya dalam sidang media harian, di sini pada Khamis.

Beliau berkata demikian memberi respon kepada pertanyaan media berhubung kematian seorang lelaki warganegara Malaysia di negara tersebut.

Terdahulu, Dr Noor Hisham dalam sidang media sama memaklumkan terdapat dua lagi kes kematian akibat COVID-19 di negara ini, menjadikan jumlah kumulatif kematian meningkat kepada 95.

© 2020 Astro Awani Network Sdn. Bhd.
(535275-D) All Rights Reserved.

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/covid-19-kkm-belum-terima-maklumat-berhubung-kematian-rakyat-malaysia-di-dubai-239818>